



WBS
WANITA BERDAYA SELANGOR



Laporan Inisiatif Meningkatkan Tenaga Buruh Wanita Negeri Selangor 2025

(Bahagian 2: Jelajah Career Comeback Programme)

BAHAGIAN 2:
JELAJAH CAREER
COMEBACK PROGRAMME



Penghargaan

Wanita Berdaya Selangor (WBS) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Rakan Kerjasama Strategik Utama dalam pelaksanaan inisiatif meningkatkan tenaga buruh wanita, TalentCorp dan MYFutureJobs oleh PERKESO atas komitmen berterusan dalam memperkasa wanita melalui peluang pekerjaan dan pembangunan kerjaya wanita yang inklusif. WBS turut mengucapkan setulus terima kasih kepada syarikat-syarikat yang telah memainkan peranan penting dalam menjayakan inisiatif pembangunan kapasiti wanita, khususnya dalam bidang keusahawanan, teknologi digital, ekonomi penjagaan, pertanian dan sosial serta kemasyarakatan. Antara rakan pelaksana yang dihargai ialah:



Sokongan padu daripada semua pihak menjadi pemangkin kepada ekosistem pembangunan wanita yang lebih mampan, progresif dan berdaya saing di Selangor.

Tentang Wanita Berdaya Selangor (WBS)

Wanita Berdaya Selangor (WBS), telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor menerusi tiga (3) teras utama iaitu Pembangunan Dasar dan Polisi, Pemberdayaan Wanita dan Pembinaan Kepimpinan.

WBS juga merupakan anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan bertindak sebagai badan pelaksana inisiatif dan program pemberdayaan wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor.

Dengan komitmen yang berterusan, WBS terus menjadi peneraju dalam usaha memastikan kesaksamaan gender dan memperkasa wanita di Negeri Selangor, selaras dengan matlamat pembangunan lestari.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.wbselangor.org.my

Isi Kandungan

1.0 Pengenalan	01
2.0 Objektif	02
3.0 Tinjauan Ringkas Career Comeback Programme (CCP)	03
4.0 Ringkasan Siri Jelajah Career Comeback Programme	
Siri 1: Zon Gombak	10
Sesi Pengenalan CCP dan Wanita MyWira Bersempena Karnival Ceria Selangor	
Siri 2: Zon Petaling	13
Bengkel berkaitan Teknologi Digital, TVET/STEM & Ekonomi Penjagaan	
Siri 3: Zon Klang	17
Klinik Resume Bersempena Pesta Buku Kanak-Kanak Selangor	
Siri 4: Zon Sabak Bernam	21
Menjana Pendapatan Melalui Tanaman Pertanian di Rumah	
Siri 5: Zon Hulu Langat	25
Meneroka Perusahaan Sosial & Kemasyarakatan	

Pengenalan

Siri Jelajah Career Comeback Programme (CCP) merupakan inisiatif di bawah Kerajaan Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS). Inisiatif ini merupakan usaha bersepadu yang dilaksanakan untuk mengangkat peranan wanita dalam tenaga kerja selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024 – 2026 dalam Matlamat 3 iaitu Merapatkan Jurang Gender Dalam Semua Aspek Pasaran Buruh. Siri Jelajah Career Comeback Programme (CCP) ini dilaksanakan secara berfasa di 5 Zon terpilih di seluruh Selangor iaitu Zon Gombak, Petaling, Hulu Langat, Klang dan Sabak Bernam. Inisiatif ini dirangka khusus untuk memperkasa wanita yang ingin kembali ke alam kerjaya, melalui sokongan dasar, latihan kemahiran, dan akses kepada peluang pekerjaan yang lebih fleksibel dan inklusif.

Setiap siri jelajah menggabungkan pendekatan dasar dan latihan yang praktikal, bermula dengan pengenalan kepada Career Comeback Programme (CCP) dan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026 oleh WBS, diikuti dengan perkongsian daripada TalentCorp mengenai insentif cukai, dan pengaturan kerja fleksibel (FWA). Bengkel dan sesi interaktif turut disusun bagi membekalkan peserta dengan kemahiran yang relevan dan bimbingan kerjaya secara langsung dalam sektor yang menjadi tarikan di zon masing-masing. Siri Jelajah Career Comeback Programme (CCP) ini dijalankan dengan kerjasama rakan strategik iaitu Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia.



Objektif

Lima (5) objektif utama bagi CCP adalah:

Menghapuskan halangan struktural kepada agenda kesaksamaan bagi golongan wanita dalam sektor pekerjaan

Meningkatkan kapasiti kerajaan dan syarikat-syarikat swasta serta tempatan untuk mengambil dan mengekalkan wanita dalam sektor pekerjaan

Menjamin kesaksamaan gender dalam sektor-sektor penting seperti ekonomi digital, kecerdasan buatan (AI), pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET), serta sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (STEM)

Merapatkan jurang gender dengan strategi pelaburan dan pekerjaan dalam ekonomi penjagaan

Mengangkat semangat, usaha dan komitmen Kerajaan melalui DEI iaitu Kepelbagaian (Diversity), Kesaksamaan (Equality) dan Keterangkuman (Inclusion) di semua peringkat proses pengambilan tenaga kerja.



The background image shows a conference or seminar. In the foreground, several women are seated in rows, looking towards the front. Some are holding smartphones, possibly recording or taking photos. In the background, a woman is standing and speaking into a microphone. The room has a patterned carpet and a wall with vertical panels. The overall image is overlaid with a semi-transparent pink filter and decorative circular patterns in the corners.


Tinjauan Ringkas Career Comeback Programme (CCP)



Untuk memperkukuh pelaksanaan Jelajah CCP, Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah menjalankan satu tinjauan ringkas secara atas talian. Tinjauan ini bertujuan untuk memahami demografi wanita serta mengenal pasti keperluan mereka dalam usaha untuk kembali bekerja selepas melalui tempoh rehat kerjaya (career break). Melalui tinjauan ini, WBS berjaya memperoleh sebanyak 497 responden wanita yang mewakili pelbagai latar belakang. Jumlah yang signifikan ini memberikan gambaran menyeluruh tentang aspirasi, cabaran, dan sokongan yang diperlukan oleh wanita untuk kembali aktif dalam pasaran kerja.


Bagi memastikan data yang diperoleh lebih terarah dan relevan, responden telah dianalisis mengikut lima (5) zon utama iaitu Gombak, Hulu Langat, Klang, Petaling, dan Sabak Bernam. Pendekatan ini membolehkan WBS mengenal pasti corak keperluan dan peluang mengikut konteks setempat, sekaligus merangka strategi intervensi yang lebih bersasar. Dapatan tinjauan ini bukan sahaja menjadi asas kepada perancangan program, malah turut membuka ruang untuk WBS memahami realiti wanita di Selangor yang ingin kembali bekerja.

Rajah 1: Responden Mengikut Lima (5) Zon Terpilih




Daripada keseluruhan 497 responden yang terlibat dalam tinjauan CCP, majoriti berasal dari Klang dengan jumlah 143 responden, diikuti oleh Hulu Langat sebanyak 128 responden. Zon Petaling pula menyumbang 92 responden, manakala Gombak mencatatkan 78 responden. Zon Sabak Bernam turut memberikan sumbangan penting dengan 56 responden. Taburan ini menunjukkan penyertaan yang hampir seimbang merentasi lima zon utama Selangor, sekaligus memberikan gambaran menyeluruh tentang keperluan wanita di pelbagai kawasan untuk kembali aktif dalam pasaran kerja.

Rajah 2: Analisa Rehat Kerjaya Mengikut Lima (5) Zon Terpilih




Merujuk kepada Rajah 2, daripada jumlah 497 responden, setinggi 430 orang (86.5%) pernah berhenti bekerja atau mengambil rehat kerjaya, manakala hanya 67 orang (13.5%) tidak pernah mengambil rehat kerjaya. Analisis mengikut zon menunjukkan bahawa Klang mencatatkan jumlah tertinggi dengan 130 responden yang pernah berehat kerjaya, diikuti oleh Hulu Langat (110 responden) dan Petaling (80 responden). Zon Gombak pula merekodkan 59 responden, manakala Sabak Bernam sebanyak 51 responden. Walaupun terdapat perbezaan jumlah antara zon, pola yang jelas adalah majoriti wanita di semua kawasan pernah melalui rehat kerjaya, menandakan keperluan sokongan yang konsisten merentasi Selangor untuk membantu mereka kembali aktif dalam pasaran kerja.

Rajah 3: Hubungan Rehat Kerjaya dan Status Perkahwinan



Analisis di Rajah 3 menunjukkan bahawa pengalaman rehat kerjaya mempunyai hubungan yang jelas dengan status perkahwinan. Majoriti responden yang pernah berhenti bekerja adalah daripada kategori sudah berkahwin dengan jumlah 348 orang, berbanding hanya 41 orang dalam kategori ini yang tidak pernah berehat kerjaya. Bagi kategori bujang, seramai 34 orang pernah berehat kerjaya manakala 12 orang tidak pernah berehat kerjaya. Sementara itu, dalam kalangan sudah bercerai, 29 orang pernah berehat kerjaya berbanding 9 orang yang tidak pernah berehat kerjaya. Dapatan ini menunjukkan bahawa status perkahwinan, khususnya bagi wanita yang sudah berkahwin, memainkan peranan besar dalam kecenderungan mereka untuk mengambil rehat kerjaya, sekaligus menekankan keperluan sokongan yang lebih bersasar bagi kumpulan ini.

Rajah 4: Sebab Wanita Mengambil Rehat Kerjaya




Rajah 4 menunjukkan bahawa faktor utama rehat kerjaya wanita adalah tanggungjawab menjaga anak atau ahli keluarga, merangkumi 50.3% daripada keseluruhan kes. Pemberhentian kerja (18.3%) dan persekitaran pekerjaan yang tidak kondusif (14.7%) turut menjadi penyumbang yang besar, mencerminkan cabaran ekonomi dan suasana kerja yang kurang fleksibel.

Selain itu, sebahagian wanita memilih rehat kerjaya kerana aspirasi peribadi seperti bekerja sendiri, mencari minat baharu, atau menyambung pelajaran (5.6%), manakala faktor kesihatan menyumbang sebanyak 3.4%. Walaupun jumlah yang bersara (1.2%) dan mereka yang tidak pernah berehat kerjaya (6.4%) lebih kecil, keseluruhan dapatan ini menegaskan bahawa rehat kerjaya wanita adalah fenomena multidimensi yang memerlukan dasar dan sokongan yang lebih inklusif dan fleksibel di tempat kerja.

Daripada keseluruhan 497 responden yang terlibat dalam tinjauan CCP, majoriti berasal dari Klang dengan jumlah 143 responden, diikuti oleh Hulu Langat sebanyak 128 responden. Zon Petaling pula menyumbang 92 responden, manakala Gombak mencatatkan 78 responden. Zon Sabak Bernam turut memberikan sumbangan penting dengan 56 responden. Taburan ini menunjukkan penyertaan yang hampir seimbang merentasi lima zon utama Selangor, sekaligus memberikan gambaran menyeluruh tentang keperluan wanita di pelbagai kawasan untuk kembali aktif dalam pasaran kerja.

Rajah 5: Cabaran Utama Dalam Kerjaya




Rajah 5 menunjukkan bahawa faktor ekonomi merupakan cabaran dominan yang dihadapi wanita dalam kerjaya mereka. Sebanyak 28.8% responden (143 orang) menyatakan bahawa kos sara hidup yang tinggi menjadi cabaran utama, diikuti oleh 16.5% responden (82 orang) yang menekankan isu peluang pekerjaan yang terhad, serta 16.3% responden (81 orang) yang berpendapat bahawa gaji rendah atau tidak setimpal dengan tuntutan kerja menjadi halangan besar. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tekanan ekonomi dan ketidakseimbangan antara pendapatan dengan tuntutan hidup menjadi faktor paling besar yang melemahkan kedudukan wanita dalam kerjaya.

Selain cabaran ekonomi, terdapat juga isu berkaitan akses dan persekitaran kerja. Sebanyak 6.8% responden (34 orang) menyatakan bahawa jarak perjalanan yang jauh atau akses pengangkutan awam yang lemah menjadi halangan, manakala 5.6% responden (28 orang) menekankan bahawa suasana pekerjaan yang tidak kondusif turut menyukarkan mereka untuk berkembang. Dalam kategori yang sama, 5.6% responden (28 orang) menyebut tanggungjawab keluarga sebagai cabaran utama, dan jumlah yang sama (5.6%) menyatakan diskriminasi umur juga turut menjadi cabaran dalam kerjaya mereka. Walaupun peratusan ini lebih kecil berbanding faktor ekonomi, jumlah tersebut tetap signifikan kerana mencerminkan cabaran sosial dan budaya yang dihadapi wanita dalam dunia pekerjaan.

Secara keseluruhan, dapatan ini menekankan bahawa lebih daripada 61% responden berdepan isu berkaitan ekonomi dan peluang pekerjaan, manakala selebihnya dipengaruhi oleh faktor sosial, keluarga, dan persekitaran kerja.

Rajah 6: Sektor Yang Menjadi Tarikan Wanita




Analisis sektor di Rajah 6 menunjukkan bahawa minat utama responden tertumpu kepada sosial dan kemasyarakatan dengan 26.6% (132 responden), diikuti oleh pendidikan dan kesihatan sebanyak 21.9% (109 responden) serta pelancongan dan pertanian sebanyak 16.1% (80 responden). Tiga sektor ini jelas menjadi tarikan utama kerana sektor tersebut dekat dengan komuniti, kesejahteraan masyarakat dan pembangunan berasaskan sumber tempatan sekaligus memberikan peluang kepada golongan wanita untuk mempunyai waktu kerja yang anjal.

Selain itu, sektor teknologi dan komunikasi turut mencatatkan 10.1% (50 responden), menunjukkan kecenderungan terhadap bidang teknologi digital. Sektor lain yang mendapat perhatian termasuk korporat dan hartanah (7.6%), perkhidmatan/perkilangan/automotif (6.8%), kewangan (4.4%), serta borong dan runcit (3.4%). Sektor air, tenaga dan utiliti mencatatkan minat paling rendah (0.8%) manakala 2.2% responden menyatakan tidak pasti.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa wanita di Selangor lebih cenderung kepada sektor yang bersifat sosial, pendidikan, kesihatan dan pertanian, namun tetap menunjukkan minat terhadap bidang profesional, teknikal dan digital. Hal ini memberi isyarat bahawa strategi program perlu menekankan sektor-sektor yang dominan sambil membuka ruang kepada sektor lain yang turut berpotensi mengembangkan bakat wanita, terutamanya bagi mereka yang berhasrat untuk kembali bekerja.

Rajah 7: Sektor Yang Menjadi Tarikan Mengikut Lima (5) Zon Terpilih



Menurut analisis lanjut di Rajah 7 yang telah dijalankan mengikut lima (5) zon terpilih, didapati setiap kawasan mempunyai kecenderungan sektor yang berbeza. Sabak Bernam menunjukkan kecenderungan kepada sektor pelancongan dan pertanian, manakala Hulu Langat lebih tertumpu kepada bidang sosial dan kemasyarakatan. Bagi Petaling, kecenderungan responden lebih pelbagai, meliputi sektor pendidikan dan kesihatan, sosial dan kemasyarakatan, serta teknologi dan komunikasi.

Hasil dapatan ini menjadi asas kepada strategi WBS untuk melaksanakan bengkel yang bersesuaian dengan tema dan keperluan setempat terutamanya di Zon Petaling, Sabak Bernam dan Hulu Langat. Di Zon Gombak, fokus diberikan kepada pengenalan Career Comeback Program bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman awal. Sementara itu, di Zon Klang, tumpuan diberikan kepada pembinaan resume sebagai langkah praktikal untuk memperkukuh peluang kerjaya wanita yang ingin kembali ke pasaran kerja.


Siri 1: Zon Gombak Sesi Pengenalan CCP dan Wanita MyWira Bersempena Karnival Ceria Selangor



Latar Belakang dan Demografi Peserta


Jelajah CCP siri keempat diteruskan dengan topik "Dari Kebun ke Poket" yang telah berlangsung pada 30 September 2025 di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Sabak Bernam. Siri ini dianjurkan bersempena dengan Jelajah Karnival Ceria Selangor 2025 di Dewan Bagan Terap, Sungai Besar. Siri ini diadakan sebagai usaha yang berterusan untuk memperkasa wanita di luar bandar, khususnya buat para ibu dan suri rumah, dengan kemahiran praktikal untuk kembali ke alam kerjaya.

Rajah 8: Pecahan Kaum Peserta Jelajah CCP Siri 1



Dari segi jantina pula, penyertaan wanita adalah lebih tinggi iaitu 583 orang, berbanding lelaki sebanyak 306 orang, sebagaimana yang digambarkan di rajah 9. Data ini menunjukkan sambutan yang amat menggalakkan khususnya daripada golongan wanita, sekaligus mencerminkan komitmen masyarakat setempat untuk memanfaatkan peluang pembangunan kerjaya dan sokongan pemerkasaan ekonomi melalui program ini.

Rajah 9: Pecahan Jantina Peserta Jelajah CCP Siri 1




Sesi Pengenalan dan Bengkel Kemahiran



Pengenalan kepada program ini telah disampaikan dengan penuh semangat melalui perkongsian daripada TalentCorp, yang mengetengahkan inisiatif seperti Program Kembali Bekerja (Career Comeback Programme, CCP), kepentingan Pengaturan Kerja Fleksibel (Flexible Work Arrangements, FWA), serta panduan persediaan bagi wanita yang ingin menyambung semula kerjaya selepas tempoh rehat. Pendekatan ini bukan sahaja menyentuh aspek teknikal, malah turut memberi penekanan kepada kesejahteraan emosi dan sokongan komuniti.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan YB Puan Anfaal Saari, EXCO Pembangunan Wanita & Kebajikan Masyarakat Selangor, yang memberikan sokongan padu terhadap usaha memperkasa wanita melalui kerjasama strategik antara kerajaan negeri dan pelbagai agensi pelaksana. Selain itu, Karnival Ceria Selangor turut menampilkan Kempen Menentang Keganasan Terhadap Wanita & Kanak-Kanak, reruai pameran kesedaran kesihatan, serta pelbagai aktiviti mesra keluarga yang berjaya menarik penyertaan masyarakat setempat. Kehadiran pelbagai lapisan komuniti menjadikan acara ini bukan sahaja sebagai platform advokasi, tetapi juga sebagai ruang interaksi dan sokongan sosial yang bermakna.






Siri 2: Zon Petaling Bengkel berkaitan Teknologi Digital, TVET/STEM & Ekonomi Penjagaan

DAFTAR SEKARANG

Latar Belakang dan Demografi Peserta


Siri kedua Jelajah CCP telah berjaya dilaksanakan pada 28 Jun 2025 di Pusat Konvensyen Shah Alam. Program ini diadakan bersempena dengan Konvensyen Kerjaya Wanita. Berdasarkan Rajah 10,11 dan 12, Jelajah CCP siri kedua ini telah berjaya menghimpunkan 89 peserta wanita, dengan majoriti berumur 31–50 tahun (75.3%) dan hampir keseluruhan terdiri daripada bangsa Melayu (83.1%). Lebih separuh peserta yang hadir juga terdiri daripada golongan wanita yang telah berkahwin (50.6%).

Rajah 10: Kumpulan Umur Peserta CCP Siri 2




Rajah 11:

Pecahan Kaum Peserta CCP Siri 2




Rajah 12:

Status Perkahwinan Peserta CCP Siri 2



Rajah 13: Kelayakan Akademik Peserta CCP Siri 2



Berdasarkan Rajah 13, rata-rata peserta program ini mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi, dengan lebih separuh berkelulusan diploma hingga ijazah sarjana muda (38.2%) dan pascasiswazah (18.0%). Hal ini menunjukkan bahawa Jelajah CCP telah berjaya menarik minat golongan berpendidikan tinggi yang berpotensi besar untuk menyumbang kepada tenaga kerja berkemahiran di Selangor. Tambahan pula, lebih daripada 60% peserta datang dari Zon Petaling (31.5%) dan Zon Klang (36.0%), menjadikan lokasi Petaling sebagai pilihan strategik untuk bengkel pertama selepas pengenalan di Gombak. Kehadiran majoriti dari dua zon utama ini memperlihatkan bahawa program ini bukan sahaja relevan, tetapi juga mampu menjadi pusat tarikan serantau yang menghubungkan tenaga kerja dari kawasan berpenduduk padat dan berdaya saing.





Sesi Pengenalan dan Bengkel Kemahiran

Bagi Jelajah CCP Siri 2 di Zon Petaling, sebanyak enam bengkel utama telah dianjurkan bagi memberi pendedahan dan kemahiran praktikal kepada peserta. Bengkel tersebut merangkumi sektor ekonomi digital, TVET/STEM dan ekonomi penjagaan seperti berikut:

- Memulakan dan Mengembangkan Perniagaan Dalam Talian oleh Shopee
- Dari Enjin ke Pemeriksaan – Meneroka Industri Automotif oleh Carsome Academy
- Membangunkan Perkhidmatan Penjagaan Berkualiti oleh Kiddocare
- Teknik Asas Robotik oleh RoboThink Malaysia
- Memulakan Perniagaan Penjagaan/Pengasuhan Kanak-Kanak di Rumah oleh TASKA, TADIKA & Pusat Jagaan Negeri Selangor
- Pemanfaatan Data untuk Perniagaan 101: Asas Penggunaan Alat Data & AI bagi Produktiviti Operasi Perniagaan oleh Hayat Technologies.

Siri 3: Zon Klang Klinik Resume Bersempena Pesta Buku Kanak-Kanak Selangor

Mariana Anderson
Marketing Manager

Contact
Phone: +603-1234 5678
Email: mariana.anderson@company.com
Address: 123, Street Name, City, State, Country

Education
2010 - 2014
Bachelor of Business Administration
University of Malaya

Expertise
- Digital Marketing
- Brand Strategy
- Content Marketing
- Social Media
- Project Management

Language
English
Malay


1. Personal Information
(Name, address, phone number, email address)
2. Professional Summary
3. Work experiences
(List your work experience in reverse-chronological order)
4. Education
5. Skills
6. Career Break Activities (Professional Development & Continued Learning)
7. Achievement
8. Language

Latar Belakang dan Demografi Peserta


Siri ketiga Jelajah CCP telah berjaya dilaksanakan pada 27 Julai 2025 di Kompleks PKNS Shah Alam. Program ini diadakan bersempena dengan Pesta Buku Kanak-Kanak Selangor anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), sekali gus memperkukuh pendekatan inklusif yang menyatukan pembangunan wanita dan kesejahteraan keluarga.

Melalui gambaran di Rajah 14, 15 dan 16, rata-rata peserta Jelajah CCP siri ketiga di Zon Klang menunjukkan dominasi wanita berstatus sudah berkahwin (73.1%) dengan majoriti berumur 41–50 tahun (43.3%) serta hampir keseluruhannya terdiri daripada kaum Melayu (86.6%).


Rajah 14: Kumpulan Umur Peserta CCP Siri 3



Rajah 15: Pecahan Kaum Peserta CCP Siri 3




Rajah 16: Status Perkahwinan Peserta CCP Siri 3



Demografi ini sangat sesuai dengan bengkel klinik resume yang dijalankan untuk siri ketiga kerana golongan wanita berkeluarga dalam lingkungan usia pertengahan ini lazimnya mempunyai pengalaman kerja terdahulu, namun mungkin telah berehat daripada kerjaya untuk memberi tumpuan kepada keluarga. Justeru, mereka memerlukan bimbingan khusus untuk mengemas kini resume mereka agar relevan dengan keperluan pasaran semasa. Zon Klang pula merupakan kawasan berpenduduk padat dengan kepelbagaian latar belakang sosioekonomi, menjadikan bengkel ini penting untuk membantu peserta menonjolkan semula kemahiran dan pengalaman mereka secara profesional.

Rajah 17: Kelayakan Akademik Peserta CCP Siri 3



Hal ini ditambah pula dengan kepelbagaian tahap kelayakan akademik peserta, seperti yang digambarkan di Rajah 17, iaitu seramai 27 orang (40.3%) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda atau Advanced Diploma, 25 orang (37.3%) dengan kelayakan SPM/STPM/Sijil, 7 orang (10.4%) Diploma/SKM Tahap 4, 4 orang (6.0%) berkelulusan Sarjana atau PhD, 3 orang (4.5%) SKM Tahap 1–3, dan seorang (1.5%) tanpa kelayakan formal. Kepelbagaian ini memperlihatkan keperluan yang berbeza-beza dalam penulisan resume, sama ada untuk menonjolkan pengalaman kerja, pencapaian akademik, atau kemahiran teknikal, sekali gus menjadikan bengkel ini relevan dan bermanfaat bagi semua lapisan peserta.



Sesi Pengenalan dan Bengkel Kemahiran



Sesi pembukaan Jelajah CCP siri ketiga bersama WBS memberi tumpuan kepada hala tuju Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026, yang menjadi landasan penting dalam membina ekosistem sokongan yang lebih responsif dan inklusif bagi wanita dalam tenaga kerja. Perbincangan ini membuka ruang kepada peserta untuk memahami dasar secara lebih mendalam serta mengenal pasti peluang kerjasama dan pelaksanaan di peringkat komuniti dan organisasi.

Sesi kedua yang dikendalikan oleh Jobstreet by SEEK pula menawarkan panduan praktikal dalam penulisan resume dan strategi temuduga, khususnya bagi wanita yang sedang merancang untuk kembali ke alam pekerjaan. Sesi ini dirangka secara interaktif dan padat, dengan penekanan kepada keperluan semasa pasaran kerja dan teknik penyampaian diri yang berkesan.

Sesi ketiga bersama TalentCorp memperkenalkan pelbagai insentif dan peluang di bawah Career Comeback Programme (CCP), termasuk sokongan kepada majikan dan wanita yang ingin menyambung semula kerjaya selepas tempoh rehat. Penekanan turut diberikan kepada fleksibiliti kerja dan sokongan psikososial sebagai elemen penting dalam pemerkasaan wanita. Sepanjang program berlangsung, reruai pameran dibuka kepada umum, memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan pakar industri, bertanya soalan, dan mendapatkan bimbingan khusus.


Siri 4: Zon Sabak Bernam Menjana Pendapatan Melalui Tanaman Pertanian di Rumah




Latar Belakang dan Demografi Peserta

Jelajah CCP siri keempat diteruskan dengan topik "Dari Kebun ke Poket" yang telah berlangsung pada 30 September 2025 di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Sabak Bernam. Siri ini dianjurkan bersempena dengan Jelajah Karnival Ceria Selangor 2025 di Dewan Bagan Terap, Sungai Besar. Siri ini diadakan sebagai usaha yang berterusan untuk memperkasa wanita di luar bandar, khususnya buat para ibu dan suri rumah, dengan kemahiran praktikal untuk kembali ke alam kerjaya.


Rajah 18: Kumpulan Umur Peserta CCP Siri 4



Rajah 19:
Pecahan Kaum Peserta CCP Siri 4




Rajah 20:
Status Pekerjaan Peserta CCP Siri 4



Data di Rajah 18 menunjukkan bahawa Zon Sabak Bernam mempunyai ciri unik berbanding zon lain, dengan bilangan peserta berumur 51 tahun ke atas paling tinggi iaitu seramai 36 orang (36%). Ini menjadikan kumpulan warga emas dan pertengahan umur sebagai dominan, diikuti oleh kumpulan umur 41–50 tahun (32%) dan 31–40 tahun (23%). Kehadiran peserta berusia ini memberi gambaran bahawa program di zon ini lebih banyak menarik minat golongan yang berada pada fasa akhir kerjaya atau selepas bersara.

Dari segi status pekerjaan pula, Rajah 20 menunjukkan 61% peserta dilaporkan tidak bekerja, jauh lebih tinggi berbanding kategori lain seperti bekerja sendiri (22%), pekerja sepenuh masa (5%), kontrak (5%), dan pelajar (4%). Corak ini berkemungkinan besar berkait rapat dengan faktor umur, di mana sebahagian besar peserta yang berusia telah bersara atau memilih untuk tidak lagi aktif dalam pekerjaan formal. Dari sudut kaum pula, berdasarkan Rajah 19, peserta didominasi oleh Melayu (91%), dengan minoriti terdiri daripada Cina dan lain-lain (9%). Dominasi ini sejajar dengan demografi setempat Sabak Bernam yang majoritinya adalah masyarakat Melayu.

Rajah 21: Kelayakan Akademik Peserta CCP Siri 4



Daripada keseluruhan 100 peserta, majoriti mempunyai kelayakan SPM/STPM/Sijil iaitu seramai 40 orang (40%). Kumpulan kedua terbesar ialah mereka yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda/Advanced Diploma dengan 31 orang (31%), diikuti oleh Diploma/SKM Tahap 4 seramai 14 orang (14%). Peserta dengan kelayakan SKM Tahap 1-3 pula berjumlah 5 orang (5%), manakala Sarjana/PhD hanya 4 orang (4%). Selain itu, terdapat 3 orang (3%) tanpa kelayakan formal dan 3 orang lagi (3%) dengan status kelayakan tidak diketahui.



Sesi Pengenalan dan Bengkel Kemahiran



Majlis dimulakan dengan pengenalan kepada Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026 oleh Ketua Pegawai Eksekutif WBS, Puan Siti Faridah Abdul Samad, yang menekankan kepentingan ekosistem sokongan yang inklusif dan responsif terhadap keperluan wanita dalam pelbagai fasa kehidupan dan kerjaya. TalentCorp turut berkongsi maklumat penting mengenai Career Comeback Programme (CCP), termasuk insentif cukai yang tersedia bagi majikan yang menyokong pengambilan semula wanita ke dalam tenaga kerja.

Bengkel utama dikendalikan oleh Tuan Afdhal Nayan dan Encik Mohd Rawi dari Sunway XFarms, yang memberi pendedahan kepada 100 peserta wanita tentang cara menjana pendapatan melalui penanaman sendiri di rumah. Bengkel ini bukan sahaja bersifat praktikal, malah turut memberi inspirasi kepada peserta untuk memulakan langkah pertama dalam keusahawanan mikro berasaskan pertanian. Sebagai galakan, setiap peserta menerima kit kebun percuma untuk memulakan projek penanaman di kediaman masing-masing.

Program ini mencerminkan pendekatan holistik dalam pemerkasaan wanita, yang menggabungkan dasar, insentif ekonomi, dan latihan kemahiran secara langsung. Siri keempat CCP ini turut memperkukuh komitmen WBS dan TalentCorp dalam memastikan wanita di luar bandar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan dan peluang kerjaya yang fleksibel serta berdaya saing.




Siri 5: Zon Hulu Langat Meneroka Perusahaan Sosial & Kemasyarakatan




Latar Belakang dan Demografi Peserta

Jelajah CCP Siri keempat diteruskan dengan topik "Dari Kebun ke Poket" yang telah berlangsung pada 30 September 2025 di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Sabak Bernam. Siri ini dianjurkan bersempena dengan Jelajah Karnival Ceria Selangor 2025 di Dewan Bagan Terap, Sungai Besar. Siri ini diadakan sebagai usaha yang berterusan untuk memperkasa wanita di luar bandar, khususnya buat para ibu dan suri rumah, dengan kemahiran praktikal untuk kembali ke alam kerjaya.


Rajah 22: Kumpulan Umur Peserta CCP Siri 5




Rajah 23: Pecahan Kaum Peserta CCP Siri 5



Rajah 24: Status Pekerjaan Peserta CCP Siri 5



Rajah 25: Kelayakan Akademik Peserta CCP Siri 5



Rajah 25 memperlihatkan keunikan yang jelas bagi zon Hulu Langat berbanding zon lain kerana kesemua peserta mempunyai latar belakang pendidikan formal. Data menunjukkan seramai 57 orang (44.5%) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda atau Advanced Diploma, 28 orang (21.9%) memiliki kelayakan Sarjana atau PhD, 16 orang (12.5%) berkelulusan Diploma/SKM Tahap 4, 26 orang (20.3%) dengan kelayakan SPM/STPM/Sijil, dan seorang (0.8%) dengan SKM Tahap 1-3.

Keadaan ini boleh dikaitkan dengan kedudukan Hulu Langat sebagai hab pendidikan di Selangor, yang menempatkan pelbagai institusi pengajian tinggi, sekolah berprestasi, serta pusat latihan kemahiran. Faktor ini telah melahirkan komuniti dengan akses lebih baik kepada peluang pendidikan, sekali gus menjelaskan mengapa peserta di zon ini mempunyai tahap kelayakan yang lebih tinggi dan lebih pelbagai berbanding zon lain.



Sesi Pengenalan dan Bengkel Kemahiran



Sesi dimulakan dengan pengenalan kepada Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026 oleh Puan Rusni Tajari, Pengurus Kanan Jabatan Strategi dan Dasar. Beliau menyorot kepentingan membina ekosistem sokongan yang mesra dan inklusif yang bersesuaian dengan keperluan wanita di pelbagai peringkat kehidupan dan kerjaya. Seterusnya, TalentCorp turut menyampaikan penerangan mengenai Career Comeback Programme (CCP), termasuk manfaat insentif cukai yang ditawarkan kepada majikan yang memberi peluang pekerjaan semula kepada wanita dalam pasaran kerja.

Sesi bengkel diteruskan dengan pendedahan yang mendalam mengenai peluang untuk kembali bekerja melalui perusahaan sosial dan aktiviti kemasyarakatan, hasil daripada perkongsian hebat oleh En. Jey Bala dari Mereka. Perkongsian beliau bukan sahaja bersifat informatif, tetapi juga penuh inspirasi kerana berjaya membuka perspektif baharu kepada para peserta tentang bagaimana perusahaan sosial boleh menjadi jambatan antara aspirasi kerjaya dan tanggungjawab sosial.

En. Jey Bala menekankan bahawa penglibatan dalam perusahaan sosial bukan sekadar menyediakan peluang pekerjaan, tetapi turut memberi ruang kepada wanita untuk menyumbang secara langsung kepada pembangunan komuniti. Beliau menjelaskan bahawa model perusahaan sosial mampu menggabungkan nilai ekonomi dengan nilai kemasyarakatan, sekali gus menjadikan kerjaya yang dibina lebih bermakna dan berimpak. Peserta didorong untuk melihat potensi diri mereka bukan hanya sebagai tenaga kerja, tetapi juga sebagai agen perubahan yang mampu memperkukuh jaringan sosial dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

Perkongsian ini telah memperkukuh kefahaman peserta tentang kepelbagaian laluan kerjaya yang boleh diterokai, khususnya bagi mereka yang sedang mencari peluang untuk kembali aktif selepas tempoh rehat. Ia juga memberi keyakinan bahawa perusahaan sosial boleh menjadi platform sebenar untuk membina semula kerjaya dengan cara yang inklusif, fleksibel, dan selari dengan keperluan komuniti.

Dengan semangat tersebut, WBS menutup tirai siri terakhir Jelajah CCP di Hulu Langat dengan penuh inspirasi. Penutup ini bukan sahaja menandakan kejayaan keseluruhan siri jelajah CCP, tetapi juga meninggalkan mesej penting bahawa pemerkasaan wanita dalam kerjaya boleh dicapai melalui gabungan peluang ekonomi dan penglibatan sosial, menjadikan program ini relevan dan berkesan dalam membina masa depan yang lebih inklusif dan berdaya tahan untuk wanita di Selangor.





Imbas kod QR untuk maklumat lanjut